

Isu Penandaan Kod Braille dalam Mashaf al-Quran Riwayat Qālūn: Analisis Terhadap *Nuqaṭ al-I‘rāb* dan *Nuqaṭ al-I‘jām*
(Issues in Braille Code Notation in the Quran Manuscript of Qālūn Transmission: An Analysis of *Nuqaṭ al-I‘rāb* and *Nuqaṭ al-I‘jām*)

Mohammad Azami bin Mohammad Nawawi
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Mohd Nur Adzam bin Rasdi
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abd Muhaimin bin Ahmad
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Riwayat Qālūn merupakan salah satu riwayat *mutawatirah* dalam bacaan al-Quran yang masih diamalkan secara meluas khususnya di wilayah Afrika Utara. Riwayat ini mempunyai beberapa bentuk penandaan (*dabṭ*) yang berbeza berbanding riwayat Hafṣ kerana mempunyai mazhab yang tertentu dalam percetakan mashaf. Perbezaan tersebut memberikan cabaran dalam penghasilan mashaf al-Quran Braille kerana sistem kod Braille sedia ada masih belum diselaraskan secara khusus bagi memenuhi keperluan penandaan riwayat Qālūn. Kajian ini bertujuan membincangkan isu penandaan Braille dalam mashaf al-Quran riwayat Qālūn dengan meneliti latar belakang mashaf Braille Qālūn, kod penandaan Braille yang digunakan serta keperluan terhadap penyelarasan dan penstrukturan semula kod Braille. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen terhadap beberapa mashaf al-Quran bercetak dan mashaf Braille riwayat Qālūn. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa kekangan dalam penggunaan kod Braille sedia ada khususnya dalam mewakili elemen penandaan tertentu dalam riwayat Qālūn. Keadaan ini menunjukkan keperluan kepada satu bentuk penstrukturan semula kod Braille yang lebih sistematik dan selaras dengan penandaan mashaf al-Quran bercetak bagi membantu pembaca dalam kalangan OKU Penglihatan.

Kata kunci: Braille, Qālūn, Penandaan, *Dabṭ*, Mashaf Al-Quran

Abstract

Qālūn narration is one of the *mutawātirah* narrations in the recitation of the Quran which is still widely practised particularly in the North African region. This narration possesses several forms of diacritical markings (*dabṭ*) that differ from the Ḥafṣ narration due to its own particular school in Quran manuscript printing. These differences pose challenges in the production of Braille Quran manuscripts as the existing Braille coding system has yet to be specifically standardised to fulfil the marking requirements of the Qālūn narration. This study aims to discuss issues related to Braille markings in the Quran manuscript of Qālūn narration by examining the background of the Qālūn Braille manuscript, the Braille marking codes employed, as well as the need for the standardisation and restructuring of Braille codes. This study adopts a qualitative approach through document analysis involving several printed Quran manuscripts and Braille Quran manuscripts of Qālūn narration. The findings indicate that there are several limitations in the use of existing Braille codes, particularly in representing certain marking elements in the Qālūn narration. This situation demonstrates the need for a more systematic restructuring of Braille codes in line with the markings of printed Quran manuscripts in order to assist readers among the visually impaired community.

Keywords: Braille, Qālūn, Diacritical Marking, Quran Manuscript, Visually Impaired

Article Progress

Received: 15 May 2026
Revised: 29 May 2026
Accepted: 13 June 2026

1. PENGENALAN

Al-Quran adalah risalah Allah kepada sekalian makhluk untuk dijadikan panduan dan pedoman hidup. Al-Quran menurut istilah bermaksud kalam Allah SWT yang diturunkan kepada nabi dan rasul terakhir iaitu Nabi Muhammad SAW, melalui perantaraan Jibril AS, yang tertulis di atas mushaf, dan sampai kepada kita secara mutawatir (al-Shaukani, 2007). Allah SWT telah menjanjikan bahawa Al-Quran akan terpelihara daripada mereka yang ingin mengubah atau merosakkan isi kandungannya seperti yang terjadi kepada kitab-kitab samawi yang terdahulu. Firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 9:

إِنَّا مَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.

Menurut al-Tabari (2001), ayat ini menjadi satu jaminan oleh Allah SWT bahawa al-Quran akan tetap dipelihara daripada berlakunya penyelewengan, penambahan atau pengurangan. Al-Quran merupakan kitab suci umat Islam yang diturunkan dalam bahasa Arab dan mempunyai pelbagai riwayat qirā'āt yang diiktiraf. Ketika hayat Rasulullah SAW, para sahabat mengambil bacaan secara terus melalui talaqqi dan musyafahah daripada Rasulullah SAW. Sebuah peristiwa yang telah direkodkan dalam Sahih Bukhari, kitab sunnah, no. 6936, di zaman Rasulullah telah berlaku peristiwa antara dua sahabat yang berselisih cara bacaan al-Quran ketika dalam solat. Namun, Rasulullah SAW telah membenarkan kedua-dua bacaan mereka lantas baginda bersabda:

إِنَّ الْقُرْآنَ أَنْزَلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرَفٍ فَاقْرَأُوا مَا تَيَسَّرَ مِنْهُ

Maksudnya: Sesungguhnya al-Quran itu diturunkan di atas tujuh huruf maka bacalah apa yang mudah daripadanya.

Hadis ini membuktikan bahawa al-Quran telah diturunkan dengan kepelbagaian cara bacaan (*qirā'āt*) bagi memudahkan umat Islam untuk mempelajarinya. Kepelbagaian ini bukanlah rekaan seperti yang didakwa oleh para orientalis yang mendakwa bacaan ini datangnya daripada rekaan generasi selepas Rasulullah SAW (Rahim Jusoh, 2019). Riwayat Hafs 'an 'Asim merupakan riwayat bacaan yang menjadi bacaan yang diamalkan oleh majoriti di dunia, termasuk di Malaysia, manakala Riwayat *Qālūn 'an Nāfi'* lebih banyak digunakan di Afrika Utara, khususnya di Libya dan sebahagian di Tunisia (Abd Muhaimin, 2021). Setiap mashaf yang dicetak pada masa kini, mestilah berpandukan kepada riwayat bacaan dan mempunyai sistem penulisan (*rasm*) dan penandaan (*dabt*) yang khusus.

Salah satu mashaf yang masyhur dengan penerbitan dalam riwayat Qālūn adalah mashaf al-Quran yang diterbitkan oleh *Jam'iyyah al-Da'wah al-Islamiyah al-'Alamiyyah*, Libya. Mashaf ini dicetak berdasarkan *qirā'āt* Imam Nāfi' melalui bacaan riwayat Imam Qālūn, dengan *ṭarīq* Muhammad bin Harun (Abu Nasyith). Riwayat bacaan Imam Qālūn merupakan bacaan rasmi di Libya serta menjadi amalan utama masyarakat setempat dalam pembacaan al-Quran (Gumaa Ahmed et al., 2024). Kedudukan riwayat ini sebagai bacaan rasmi memberi implikasi langsung terhadap pencetakan dan sistem penandaan (*dabt*) yang digunakan dalam mashaf.

Pada masa kini, keperluan masyarakat terhadap mashaf al-Quran semakin meningkat bagi kegunaan pembelajaran dan pengajaran. Malaysia mempunyai pusat percetakan al-Quran kedua terbesar di dunia iaitu di Kompleks Nasyrul Quran. Perkembangan ini memberikan impak yang positif khususnya kepada umat Islam di Malaysia dalam memperoleh mashaf al-Quran. Namun demikian, terdapat golongan minoriti dalam masyarakat yang turut memerlukan perhatian, iaitu

komuniti OKU Penglihatan. Mereka memerlukan kepada mushaf al-Quran yang dicetak dalam versi Braille bagi kegunaan pembelajaran al-Quran (Mohd Nur Adzam, 2023). Sistem penulisan Braille diwujudkan adalah bertujuan untuk memudahkan orang OKU Penglihatan untuk menulis dan membaca. Manfaat daripada penciptaan sistem tulisan ini turut diaplikasikan kepada penulisan mushaf al-Quran bagi kegunaan OKU Penglihatan dalam mempelajari al-Quran.

Al-Quran Braille adalah hasil gabungan daripada al-Quran dan Braille. Mashaf al-Quran Braille diterbitkan menggunakan asas kod Braille Bahasa Arab yang mewakili rasm bagi huruf-huruf Hijaiyyah dan *ḍabt* (tanda-tanda bacaan) seperti *fathah*, *dhammah*, dan *kasrah*, serta simbol-simbol seperti *shaddah*, *sukun*, *mad* dan sebagainya (Noornajihan dan Kauthar 2008). Mushaf al-Quran Braille digunakan bagi pembelajaran dan pengajaran komuniti OKU Penglihatan dalam mempelajari al-Quran. Seiring dengan perkembangan ilmu *Qirā'āt* di Malaysia, terdapat pelbagai institusi telah menawarkan kos pengajian dalam bidang *Qirā'āt*. Peluang tersebut turut tersedia kepada komuniti OKU Penglihatan untuk menceburi bidang pengajian *Qirā'āt*. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa cabaran dan isu seperti bahan pengajaran, penguasaan bahasa arab dan lain-lain (Noraini Farhanah & Abd Rahman, 2024).

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Bacaan riwayat *Qālūn* merupakan salah satu bacaan yang *mutawātirah* yang masih diamalkan oleh umat Islam di sebahagian negara seperti Libya (Abd Rahman Ghani, 2018). Bacaan riwayat *Qālūn* ini turut mempunyai ciri bacaan yang khusus seperti *tashīl*, *ibdāl*, *imālah*, *ikhtilās* dan lain-lain yang kebiasaannya mempunyai penandaan (*ḍabt*) yang khusus dan dijadikan panduan dalam percetakan mashaf. Setiap mashaf yang diterbitkan kebiasaannya mempunyai garis panduan dalam penerbitan pada akhir mashaf (Sya'ban Ismail, 2017). Mashaf riwayat *Qālūn* ini juga turut dicetak dalam versi Braille yang telah diterbitkan oleh persatuan OKU Penglihatan negara tersebut iaitu *al-Ittiḥād al-Qaumi li al-Makfufin* yang beralamat di ibu negara Tunisia. Negara Tunisia juga merupakan salah satu negara yang rakyatnya mengamalkan bacaan riwayat *Qālūn*. Menurut Mustaqim (2014), terdapat beberapa kekurangan dari aspek penandaan (*ḍabt*) dalam mashaf Braille ini. Antaranya termasuk ketiadaan kod Braille bagi tanda-tanda tertentu seperti *alif* kecil, *waw* kecil dan *ya* kecil, serta ketiadaan kod Braille bagi tanda *mad* dan beberapa penandaan yang lain.

Penandaan (*ḍabt*) dalam mashaf al-Quran memainkan peranan penting dalam memastikan ketepatan bacaan al-Quran khususnya bagi riwayat yang mempunyai kaedah bacaan tersendiri seperti riwayat *Qālūn* (Azah et.al, 2024). Riwayat ini mempunyai beberapa bentuk penandaan khas dalam mashaf bercetak bagi meraikan bacaan dalam riwayat *Qālūn* seperti *imālah*, *ishmām*, *ibdāl*, *ikhtilās* dan lain-lain yang berfungsi untuk membantu pembaca memahami kaedah bacaan dengan tepat. Sebahagian daripada penandaan ini telah dibangunkan dan diaplikasikan dalam Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM) dan sebahagiannya lagi masih belum dibangunkan atas faktor riwayat bacaan yang berbeza (Mohd Nur Adzam, 2023). Oleh itu, terdapat keperluan juga untuk meneliti teks mashaf al-Quran Braille yang berbeza riwayat ini kerana mempunyai sistem penandaan (*ḍabt*) yang berbeza atas faktor riwayat bacaan dan mazhab penandaan (*ḍabt*) yang diamalkan dalam mashaf bercetak. Selari dengan keperluan dalam penyediaan bahan yang mesra OKU Penglihatan khususnya bagi pelajar yang mendalami bidang pengajian *Qirā'āt* (Noraini Farhanah dan Abd Rahman, 2024), terdapat keperluan bagi menjalankan kajian ini dengan lebih terperinci.

1. OBJEKTIF

Berdasarkan kepada permasalahan kajian yang dinyatakan di atas, kajian ini dilaksanakan untuk mencapai dua objektif utama iaitu:

- i. Mengetahui latar belakang mashaf al-Quran Braille riwayat Qālūn.
- ii. Menganalisis kod penandaan (*dabt*) Braille yang digunakan dalam mashaf al-Quran Braille riwayat Qālūn.

2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen bagi meneliti isu penandaan (*dabt*) Braille dalam mashaf al-Quran riwayat Qālūn. Pendekatan ini dipilih kerana kajian memberi tumpuan kepada penelitian terhadap bentuk penandaan (*dabt*) serta penggunaan kod Braille yang terdapat dalam mashaf al-Quran riwayat Qālūn. Data kajian diperolehi daripada beberapa dokumen utama seperti mashaf *al-Jamahiriyah bi Riwayat al-Imām Qālūn* terbitan *Jam'iyah al-Da'wah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah* Libya serta mashaf al-Quran Braille riwayat Qālūn terbitan negara Tunisia tahun 1976. Selain itu, beberapa sumber penulisan berkaitan ilmu *dabt*, penulisan Braille dan riwayat Qālūn turut dijadikan sebagai bahan sokongan kajian. Data kajian dianalisis secara deskriptif dengan meneliti bentuk penandaan Braille yang digunakan khususnya pada bahagian *nuqaṭ al-i'rāb* dan *nuqaṭ al-i'jām*. Pendekatan ini bertujuan memberikan gambaran umum berkaitan isu penandaan Braille dan keperluannya dalam membantu pembacaan al-Quran bagi golongan OKU Penglihatan khususnya yang menceburi pengajian *Qirā'āt*.

3. DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu ciri-ciri mashaf al-Quran Braille riwayat Qālūn terbitan Tunisia, analisis kod Braille dari aspek *nuqaṭ al-i'jām* dan *nuqaṭ al-i'rāb*. Bahagian pertama membincangkan latar belakang serta ciri-ciri penulisan mashaf al-Quran Braille riwayat Qālūn terbitan Tunisia. Bahagian kedua pula memfokuskan kepada analisis kod braille bagi *nuqaṭ al-i'jām* yang melibatkan tanda titik bagi membezakan antara huruf-huruf hijaiyyah. Seterusnya, bahagian ketiga membincangkan analisis kod braille bagi *nuqaṭ al-i'rāb* yang berkaitan dengan penandaan (*dabt*) dalam mashaf al-Quran Braille riwayat Qālūn.

5.1 Ciri-ciri Mashaf al-Quran Braille riwayat Qālūn, Tunisia

Negara Tunisia juga turut menerbitkan mashaf Qur'an Braille. Mashaf ini diterbitkan dengan kaedah bacaan riwayat Qālūn berbeza dengan kebanyakan mashaf Braille yang dicetak dengan kaedah bacaan riwayat Hafs. Pengkaji telah memperoleh bahan utama kajian ini daripada simpanan Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS). Mashaf ini telah diterbitkan pada tahun 1976 oleh sebuah persatuan OKU Penglihatan negara tersebut iaitu *al-Ittihad al-Qaumi li al-Makfufin* yang beralamat di ibu negara Tunisia. Mashaf Braille ini dicetak dengan judul *al-Quran al-Karim bi al-Khatt al-Bariz li al-Makfufin hasb Riwayah Qālūn*.


Mashaf ini terdiri daripada enam jilid. Namun demikian, pengkaji hanya memperoleh jilid pertama, kelima dan keenam memandangkan hanya ketiga-tiga jilid tersebut yang terdapat dalam simpanan PERTIS. Mashaf al-Quran Braille riwayat Qālūn terbitan Tunisia ini diterbitkan dalam enam jilid. Pembahagian jilid pada mashaf ini mengikut pembahagian surah dan secara puratanya satu jilid bersamaan lima juzuk. Jilid pertama mengandungi Surah al-Fatihah sehingga Surah al-Nisā', jilid kelima mengandungi Surah al-Rūm sehingga Surah al-Jāthiyah dan jilid keenam pula bermula daripada Surah al-Aḥqāf sehingga Surah al-Nās. Muhammad Mustaqim (2014) telah menyenaraikan beberapa maklumat mengenai format penulisan mashaf. Berikut merupakan perincian yang telah disenaraikan:

1. Muka hadapan jilid pertama mashaf Braille ini mengandungi maklumat tentang judul, nombor jilid mashaf, kandungan surah, nama dan alamat pencetak berserta tarikh cetakan.




Rajah 5.1: Muka Hadapan Jilid Pertama Mashaf Braille

2. Mengandungi halaman kandungan di bahagian awal jilid tersebut yang menyatakan nama surah dan nombor halamannya.
3. Pada bahagian akhir selepas isi kandungan mashaf dinyatakan juga senarai tanda *waqf* yang digunakan dalam mashaf ini.
4. Pada setiap awal permulaan surah, dinyatakan maklumat mengenai status surah sama ada *Makki* atau *Madani*, susunan penurunannya, bilangan ayat dalam surah tersebut dan diikuti dengan bismillah.
5. Setiap helaian mashaf mengandungi satu baris *header* yang menyatakan nama surah dan nombor halaman.
6. Permulaan setiap ayat al-Quran ditulis pada sel pertama dan didahului dengan tanda kod Braille titik (2,5) (3) yang menandakan terdapat permulaan ayat yang baharu dalam baris tersebut. Setiap ayat ditulis dalam keadaan bersambung antara ayat sebelum dan selepas. Berikut merupakan contoh penulisan mashaf al-Quran Braille riwayat Qālūn, Tunisia:




Rajah 5.2: Braille Surah al-Baqarah, ayat 11-12

7. Sekiranya ruang tidak mencukupi, kalimah al-Quran ditulis secara bersambungan dalam dua baris dan menggunakan titik 3,6 (⠨⠨) sebagai tanda penyambungan ayat. Berikut merupakan contoh penulisan mashaf al-Quran Braille riwayat Qālūn, Tunisia:



Rajah 5.3: Braille Surah al-Baqarah, ayat 15

8. Setiap baris boleh mengandungi lebih daripada satu ayat al-Quran. Berikut merupakan contoh penulisan:



Rajah 5.4: Braille Surah al-Baqarah, ayat 11-12

5.2 Aplikasi Kod Braille Pada *Nuqat Al-Ijām*

Nuqat al-i jām adalah tanda titik yang diletakkan bagi membezakan huruf-huruf hijaiyyah yang mempunyai bentuk rasm yang sama (al-Jarmi, 2001). Terdapat dua kategori huruf dalam al-Quran iaitu huruf *mu'jamah* dan huruf *muhmalah*. Terdapat 15 huruf *mu'jamah* iaitu (ب, ت, ث, ج, خ,) dan 13 huruh *muhmalah* iaitu (أ, ح, د, ر, س, ص, ط, ذ, ز, ش, ض, ظ, غ, ف, ق, ن, ي) (Sabri Mohamad et.al, 2022). Kaedah ini tidak diaplikasikan dalam penulisan mashaf Braille, kerana sistem Braille adalah sistem penulisan yang berbeza. Huruf-huruf ini diwakili oleh kod Braille yang khusus berpandukan kepada *World Braille Usage* (2013) bagi kod Braille huruf-huruf arab. Berdasarkan penelitian pengkaji, mashaf Braille Qālūn terbitan Tunisia ini telah dicetak berpandukan kepada *World Braille Usage* (2013) ini. berikut merupakan senarai kod Braille yang mewakili huruf arab yang turut diaplikasikan dalam percetakan mashaf Braille ini:

Arabic			
Notes: The Conference of Developing and Unifying Arabic Braille Characters met in Saudi Arabia in October 2002. There has been confirmation from several countries that they are using this unified code, and other countries are not.			
Primary language transcribed: Algeria, Bahrain, Egypt, Jordan, Kuwait, Lebanon, Libya, Mauritania, Morocco, Oman, Qatar, Saudi Arabia, Syria, Tunisia, United Arab Emirates, Yemen			
Secondary language transcribed: Indonesia, Iran, Israel, Malaysia, Pakistan			
Alphabet: Unified Arabic (Qatar, United Arab Emirates)			
ا	alef	a (1)	::
ب	beh	b (12)	::
ت	teh	t (2345)	::
ث	theh	th (1456)	::
ج	jeem	j (245)	::
ح	hah	h (156)	::
خ	khah	kh (1346)	::
د	dal	d (145)	::
ذ	thal	dh (2346)	::
ر	reh	r (1235)	::
ز	zain	z (1356)	::
س	seen	s (234)	::
ش	sheen	sh (146)	::
ص	sad	s (12346)	::
ض	dad	d (1246)	::
ط	tah	t (23456)	::
ظ	zah	z (123456)	::
ع	ain	' (12356)	::
غ	ghain	gh (126)	::
ف	feh	f (124)	::
ق	qaf	q (12345)	::
ك	kaf	k (13)	::
ل	lam	l (123)	::
م	meem	m (134)	::
ن	noon	n (1345)	::
ه	heh	h (125)	::
و	waw	w (2456)	::
ي	yeh	y (24)	::
Ligatures			
لا	La	(1236)	::
ـ	-	(135)	::
أ	A	(34)	::
إ	E	(46)	::
آ	Aa	(345)	::
ء	a	(3)	::
ؤ	Waw	(1256)	::
ئ	ya	(13456)	::
ة	-	(16)	::

Rajah 5.5: Senarai Kod Braille Arab dalam *World Braille Usage* (2013)

5.3 Aplikasi Kod Braille Pada *Nuqaṭ Al-I'rāb*

Nuqaṭ Al-I'rāb adalah tanda baris yang diletakkan pada sesuatu huruf merangkumi sama ada *fathah*, *kasrah*, *ḍammah*, *tanwin*, *sukūn*, *taysdid*, tanda *mad* dan sebagainya (al-Jarmi, 2001). Kaedah ini dilakukan oleh Abu al-Aswad al-Duali dengan cara meletakkan satu titik di atas mewakili baris *fathah*, satu titik di bawah mewakili baris *kasrah* dan satu titik di hadapan mewakili baris *ḍammah* (Sabri Mohamad et.al, 2022).

Kaedah ini juga turut diaplikasikan dalam penulisan mashaf Braille, namun diterjemah dengan kaedah yang berbeza. Penandaan ini diwakili oleh kod Braille yang khusus berpandukan *World Braille Usage* (2013) sebagai panduan asas namun pengkaji terdapat beberapa isu yang timbul kerana penandaan kod Braille ini hanya terhad pada kaedah bahasa arab. Kaedah bacaan seperti *tashīl*, *ibdāl*, *imālah* dan lain-lain tidak terdapat penandaan yang khusus dalam mashaf ini. Berikut merupakan senarai kod Braille sedia ada bagi elemen penandaan (*dabt*) dalam mashaf ini:

a) Kod Braille *fathah*, *kasrah*, *ḍammah*, *sukūn* dan *syaddah*

Tanda baca bagi mashaf Braille Qālūn, Tunisia ini menggunakan kod Braille *fathah* (titik 2), *kasrah* (titik 1,5), *ḍammah* (titik 1,3,6), *sukūn* (titik 2,5) dan *syaddah* (titik 6). Kesemua kod ini adalah tanda-tanda asas bacaan yang paling banyak digunakan dalam penandaan mashaf.

Secara amnya dalam penulisan mashaf Braille, setiap kod huruf *hijaiyyah* akan diikuti selepasnya kod braille yang merujuk kepada kod tanda baris. Hanya kod tanda *syaddah* sahaja yang berlainan daripada kaedah yang lain iaitu diletakkan sebelum kod huruf yang perlu dibaca dengan bacaan *tasydid*. Fungsi dan kaedah penulisan kod Braille dalam mashaf al-Quran Braille Qālūn ini adalah sama seperti yang diaplikasikan pada mashaf al-Quran Braille terbitan lain seperti Malaysia, Jordan dan lain-lain. Berikut merupakan senarai bagi kod braille yang merujuk kepada tanda *fathah*, *kasrah*, *ḍammah*, *sukūn* dan *syaddah* yang diaplikasikan dalam mashaf braille:

Jadual 5.1: Senarai kod Braille bagi tanda *fathah*, *kasrah*, *ḍammah*, *sukūn* dan *syaddah*

Tanda	Aplikasi dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia
<i>Fathah</i>	⠠
<i>Kasrah</i>	⠡
<i>Ḍammah</i>	⠢
<i>Sukūn</i>	⠣
<i>Sabdu/Tashdīd</i>	⠤

Contoh penulisan yang telah diaplikasikan dalam mashaf Braille Qālūn menggunakan senarai kod di atas adalah:

Jadual 5.2: Contoh Aplikasi Kod Braille Bagi tanda *fathah*, *kasrah*, *ḍammah*, *sukūn* dan *syaddah*

Tanda	Kalimah	Aplikasi dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia
<i>Fathah</i>		⠠⠠⠠⠠⠠⠠
<i>Kasrah</i>		⠠⠠⠠
<i>Ḍammah</i>		⠠⠠⠠
<i>Sukūn</i>		⠠⠠⠠⠠⠠⠠⠠⠠⠠⠠⠠⠠
<i>Sabdu/Tashdīd</i>		⠠⠠⠠

b) Kod Braille *Tanwīn*

Seterusnya adalah kod Braille yang merujuk kepada baris *tanwīn*. Baris *tanwīn* adalah nun sakinah yang terdapat pada akhir kalimah kata nama (*isim*) yang hanya wujud pada lafaz tapi tidak pada tulisan (al-Mas’ul, 2007). Penggunaan kod Braille bagi tanda bacaan *tanwīn* adalah *fathataīn* kod (2,3), *ḍammatayn* kod (2,6) dan *kasratayn* kod (3,5). Penggunaan kod Braille bagi tanda bacaan *tanwīn* yang diaplikasikan dalam mashaf Braille ini hanya mempunyai satu jenis sahaja tanpa membezakan antara *tanwīn tarkib* (selari) dan *tanwīn tatabu’* (tidak selari).

Justeru itu, pada bahagian ini pengkaji mendapati bahawa penggunaan *tanwīn* yang diaplikasikan dalam mashaf ini diguna pakai secara umum tanpa membezakan *tanwīn tatabu’* (tidak selari) dan *tanwīn tarkib* (selari). Berikut merupakan senarai bagi kod Braille yang merujuk kepada tanda *tanwīn* yang terdapat dalam mashaf Qālūn, Tunisia:

Jadual 5.5: Contoh Aplikasi Kod Braille Bagi Tanda *Alif* Kecil, *Waw* Kecil dan *Ya* Kecil

Tanda	Kalimah	Aplikasi dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia
<i>Alif</i> kecil	هَرُونَ	
<i>Waw</i> kecil	وَزَادَهُ	
<i>Ya</i> kecil	وَجَنُودُهُ	

d) Tanda Mad

Tanda *mad* merupakan tanda yang digunakan dalam mashaf bagi menunjukkan terdapat bacaan panjang melebihi kadar dua *ḥarakāt* bagi kalimah tersebut. Kebiasaannya tanda ini terletak pada hukum bacaan *mad wajib muttasil*, *mad jā'iz munfaṣil*, *mad lazim* dan huruf *muqata'ah*. Pada bahagian *usul* bacaan riwayat Qālūn, terdapat khilaf bacaan bagi riwayat Qālūn pada hukum bacaan *mad jā'iz munfaṣil* iaitu sama ada dibaca dengan kadar dua atau empat *ḥarakāt*. Selain daripada hukum bacaan ini, riwayat Qālūn akan membaca dengan kadar lebih daripada dua *ḥarakāt* (Sayyid Lasyeen & Khalid Muhammad, 2011; Al-Qadhi, 2022). Namun demikian, pengkaji tidak mendapati sebarang kod Braille yang merujuk kepada tanda *mad* pada hukum bacaan yang dinyatakan. Berikut merupakan contoh penulisan kalimah yang mengandungi hukum bacaan *mad wajib muttasil*, *mad jā'iz munfaṣil*, *mad lazim* dan huruf *muqata'ah* yang terdapat dalam mashaf Qālūn, Tunisia.

Jadual 5.6: Contoh Aplikasi Kod Braille Bagi Tanda *Mad*

Hukum Bacaan	Kalimah	Aplikasi dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia
<i>Mad Wajib Muttasil</i>	السَّمَاءِ	
<i>Mad jā'iz munfaṣil</i>	بِمَا أُنزِلَ	
<i>Mad Lazim</i>	الضَّالِّينَ	
Huruf <i>Muqata'ah</i>	آلِهَ	

Ketiadaan kod Braille yang merujuk kepada tanda *mad* mungkin akan menyukarkan pembaca dan pengguna mashaf Braille. Namun terdapat keperluan untuk dipertimbangkan jika ingin meletakkan tanda bacaan *mad* pada hukum bacaan *mad jā'iz munfaṣil* kerana seperti yang telah dinyatakan, pada hukum bacaan ini riwayat Qālūn mempunyai dua wajah bacaan iaitu dengan kadar dua dan empat *ḥarakāt* namun kaedah bacaan dengan dua *ḥarakāt* merupakan wajah yang *muqaddam* (Abu Ja'far an-Nahas, 2004).

e) Kaedah Penulisan *Ḥamzah*

Terdapat beberapa jenis dan bentuk penulisan bagi tanda *ḥamzah* dalam mashaf. Tanda atau bentuk *ḥamzah* ini pada awalnya tidak diwujudkan dalam penulisan mashaf. Menurut (Qadduri, 2016), Khalil al-Farahidi merupakan orang pertama yang memberikan tanda *ḥamzah* seperti dalam mashaf sekarang. Berikut merupakan contoh bentuk dan penulisan *ḥamzah* dalam mashaf bercetak beserta aplikasinya dalam kod braille berpandukan *World Braille Usage* (2013):

Jadual 5.7: Contoh Kod Braille Bagi *Ḥamzah*

Tanda	Penandaan dalam Mashaf Bercetak	Aplikasi dalam Mashaf Braille
<i>Ḥamzah</i> tunggal	ء	⠠⠠⠠
<i>Ḥamzah</i> atas <i>alif</i>	أ	⠠⠠⠠⠠
<i>Ḥamzah</i> bawah <i>alif</i>	إ	⠠⠠⠠⠠
<i>Ḥamzah</i> Mamdudah	آ	⠠⠠⠠⠠
<i>Ḥamzah</i> rumah <i>ya</i>	ئ	⠠⠠⠠⠠
<i>Ḥamzah</i> rumah <i>waw</i>	ؤ	⠠⠠⠠⠠



f) Kod Braille bagi tanda *Ishmām*

Bacaan *ishmām* merupakan antara bacaan khas bagi sebahagian riwayat bacaan. Menurut al-Jarmi (2001) terdapat beberapa istilah yang merujuk kepada maksud *ishmām* iaitu:

- a) Bercampur antara satu huruf dengan huruf yang lain seperti huruf *sad* (ص) dan huruf *zai* (ز) pada kalimah (الصرائط) dan ini merupakan kaedah bacaan bagi *Qirā'āt Ḥamzah*.
- b) Bercampur antara baris dengan baris yang lain seperti *ḍammah* dan *kasrah* pada kalimah (سيء) dan ini merupakan kaedah bacaan bagi riwayat Qālūn.
- c) Memuncungkan kedua bibir selepas mensukunkan huruf seperti pada kalimah (تأمن) dan ini merupakan kaedah bacaan bagi riwayat Hafs.
- d) Memuncungkan kedua bibir ketika *waqf* pada huruf berbaris *ḍammah* tanpa sebagai syarat tanpa memberi kesan kepada bunyi. Contoh *waqf* pada kalimah (نستعين) dan ini merupakan kaedah umum yang terdapat pada kesemua riwayat bacaan pada ketika *waqf*.

Bacaan riwayat Qālūn hanya mempunyai dua kalimah sahaja bagi bacaan *ishmām* iaitu pada kalimah (سيء) dan (سيئت) (Sayyid Lasyeen & Khalid Muhammad, 2011; Al-Qadhi, 2022). Berdasarkan mashaf *al-Jamahiriyah* terdapat tanda bulat tumpat atas kalimah *sin* yang merujuk kepada bacaan *ishmām*. Namun, kaedah penandaan ini tidak diaplikasikan dalam penulisan mashaf Braille Qālūn. Berikut merupakan contoh penulisan dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia bagi hukum bacaan ini:

Rajah 5.8: Contoh Aplikasi Kod Braille Bagi tanda *ishmām*

Tanda	Kalimah	Aplikasi dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia
<i>Ishmām</i>		





g) Imālah

Kaedah bacaan *imālah* merujuk kepada kaedah bacaan condong antara *fathah* dan *kasrah* (al-Jarmi, 2001). Pada riwayat Qālūn hanya terdapat satu tempat sahaja iaitu pada kalimah (هار) dalam surah at-Tawbah ayat 109 (Sayyid Lasyeen & Khalid Muhammad, 2011; Al-Qadhi, 2022). Namun kalimah ini hanya terdapat pada mashaf Braille jilid kedua dan jilid ini tiada dalam simpanan PERTIS. Namun, berdasarkan penelitian pengkaji pada tempat-tempat bacaan khas yang lain, telah dikenalpasti bahawa tiada kod Braille yang merujuk kepada bacaan *imālah* dalam mashaf ini.

h) Tashīl

Kaedah bacaan *tashīl* merupakan antara kaedah bacaan yang banyak dipraktikkan dalam bacaan riwayat Qālūn. Bagi bacaan riwayat Qālūn, apabila terdapat pertemuan antara dua *hamzah* sama ada dalam satu kalimah atau dua kalimah, riwayat Qālūn akan membaca dengan kaedah *tashīl* (Sayyid Lasyeen & Khalid Muhammad, 2011; Al-Qadhi, 2022). Berdasarkan penelitian pengkaji, tiada peletakan kod Braille yang khusus bagi bacaan *tashīl*. Manakala bagi MQBM terdapat kod Braille yang khusus menunjukkan bacaan *tashīl*. Berikut merupakan contoh penulisan dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia bagi hukum bacaan:










Jadual 5.9: Contoh Aplikasi Kod Braille Bagi Tanda *Tashil* pada Pertemuan Dua Huruf *Hamzah* dalam Satu Kalimah

Pertemuan Dua <i>Hamzah</i> dalam satu kalimah	Aplikasi dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia
	
	

آ. ذَا





Jadual 5.10: Contoh Aplikasi Kod Braille Bagi Tanda *Tashil* pada Pertemuan Dua Huruf *Hamzah* dalam Dua Kalimah

Pertemuan Dua <i>Hamzah</i> dalam dua kalimah	Aplikasi dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia
	
	
	
	Tiada dalam jilid yang sedia ada
	

i) Taqlil

Kaedah bacaan *taqlil* dalam riwayat Qālūn hanya terdapat pada satu kalimah sahaja iaitu pada kalimah التوراة. Namun pada kalimah ini, riwayat Qālūn mempunyai khilaf pada wajah bacaan iaitu *fathah* dan *taqlil* (Sayyid Lasyeen & Khalid Muhammad, 2011; Al-Qadhi, 2022). Bacaan dengan wajah *fathah* merupakan bacaan yang *muqaddam* (Abu Ja'far an-Nahas, 2004), dan kaedah bacaan ini yang diaplikasikan dalam mashaf al-Jamhiriyyah, Libya. Hasil penelitian terhadap mashaf Braille riwayat Qālūn menunjukkan bahawa tiada kod Braille yang digunakan bagi menandakan bacaan *taqlil*. Berdasarkan analisis tersebut, dapat dirumuskan bahawa mashaf ini mengaplikasikan wajah bacaan *fathah* tanpa menyediakan penandaan yang membezakan bacaan *taqlil*. Berikut merupakan contoh penulisannya dalam mashaf Braille riwayat Qālūn:

Jadual 5.11: Contoh Aplikasi Kod Braille Pada Kalimah yang Mempunyai Bacaan *Fathah* dan *Taqlil*

Tanda	Kalimah	Aplikasi dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia
<i>Taqlil</i>		

j) *Ibdāl*

Kaedah bacaan *ibdāl* bagi riwayat Qālūn hanya berlaku apabila berlaku pertemuan antara dua *ḥamzah*. Kaedah ini berlaku pada pertemuan *ḥamzah* dalam dua kalimah kategori berbeza baris. Perkara ini telah dibincangkan pada bab yang lalu iaitu sekiranya *ḥamzah* berbaris *fathah* dan *ḥamzah* kedua berbaris *kasrah*, riwayat Qālūn akan *ibdāl* (menggantikan) *ḥamzah* kedua dengan huruf *waw*. Sekiranya *ḥamzah* pertama berbaris *kasrah* dan *ḥamzah* kedua berbaris *fathah*, riwayat Qālūn akan *ibdāl* (mengganti) *ḥamzah* kedua dengan huruf *ya*. Begitu juga sekiranya *ḥamzah* pertama berbaris *ḍammah* dan *ḥamzah* kedua berbaris *kasrah* juga boleh dibacakan dengan wajah bacaan *ibdāl* (mengganti) *ḥamzah* kedua dengan huruf *waw* (Sayyid Lasyeen & Khalid Muhammad, 2011; Al-Qadhi, 2022). Kajian mendapati bahawa tiada sebarang kod Braille yang diletakkan bagi menunjukkan bacaan *ibdāl* ini. Berikut merupakan contoh penulisan dalam mashaf Braille Qālūn:

Jadual 5.12: Contoh Aplikasi Kod Braille Bagi Tanda *Ibdāl*



Tanda	Kalimah	Aplikasi dalam Mashaf Braille Qālūn, Tunisia
<i>Ibdāl</i>		Tiada dalam jilid sedia ada

k) *Ikhtilās*

Kaedah bacaan *ikhtilās* merujuk kepada membunyikan sebahagian *ḥarakāt* baris sesuatu huruf (al-Jarmi, 2001). Terdapat empat kalimah dalam al-Quran yang dibaca *ikhtilās* dan juga mempunyai bacaan khilaf iaitu dengan wajah bacaan *idgham* bagi riwayat Qālūn (Sayyid Lasyeen & Khalid Muhammad, 2011; Al-Qadhi, 2022). Setelah diteliti oleh pengkaji, kaedah penulisan kalimah ini dalam mashaf Braille Qālūn ditulis dengan kaedah bacaan *idgham*. Berkemungkinan atas faktor ketiadaan kod Braille tanda *ikhtilās* ini, mashaf ini dicetak dengan meletakkan tanda kod Braille *sukūn* (2,5) bagi merujuk kepada bacaan *idgham*. Hal ini berbeza dengan mashaf al-Jamahiriyah yang diletakkan tanda titik tebal sebagai tanda bacaan *ikhtilās* bagi meraikan bacaan yang *muqaddam* dalam riwayat Qālūn. Berikut merupakan contoh penulisan dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia bagi hukum bacaan ini:

Jadual 5.13: Contoh Aplikasi Kod Braille Bagi Tanda *Ikhtilās*

Tanda	Kalimah	Aplikasi dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia
<i>Ikhtilās</i>		







	Tiada dalam jilid sedia ada
	Tiada dalam jilid sedia ada

l) *Şifr mustaṭīl*

Şifr mustaṭīl merupakan tanda bulat bujur yang diletakkan di atas huruf *alif* pada kalimah yang tertentu. Fungsi tanda ini dalam mashaf merujuk kepada huruf *alif* tersebut tidak berfungsi ketika bacaan *wasal* dan hanya berfungsi ketika bacaan *waqf*. Kaedah penandaan ini tidak terdapat pada mashaf al-Jamahiriyyah tetapi ada pada mashaf yang sedang digunakan di Malaysia. Penandaan *şifr mustaṭīl* ini terdapat pada tujuh kalimah berdasarkan bacaan riwayat Hafs. Antara tujuh kalimah tersebut hanya satu sahaja yang perlu diteliti dalam riwayat Qālūn kerana terdapat khilaf bacaan dengan riwayat Hafs, selain daripada itu, riwayat Qālūn akan membaca dengan *ithbat alif* ketika bacaan *wasal* dan *waqf*.

Hal ini telah dibincangkan pada bab sebelumnya iaitu pada kalimah انا yang selepasnya terdapat *hamzah qata'* yang berbaris *fathah* dan *damamah*. Sekiranya *hamzah qata'* tersebut berbaris *kasrah*, terdapat khilaf sama ada *ithbat* atau *hadhf alif* (Sayyid Lasyeen & Khalid Muhammad, 2011; Al-Qadhi, 2022). Kaedah penandaan ini tidak diaplikasikan dalam mashaf Braille Qālūn. Berikut merupakan contoh penulisan bagi mashaf Braille ini:

Jadual 5.14: Contoh Aplikasi Kod Braille Bagi Tanda *Şifr Mustaṭīl*

Kalimah	Aplikasi dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia
	
	
	

m) *Şifr mustadīr*

Şifr mustadīr merupakan salah satu penandaan yang digunakan dalam penulisan al-Quran. Penandaan yang digunakan dalam mashaf al-Jamahiriyyah adalah bulatan kecil yang diletakkan atas huruf *alif*, *waw*, dan *ya* yang menunjukkan bahawa huruf tersebut adalah huruf tambahan dan tidak berfungsi pada bacaan ketika *waqf* dan *wasal*. Pengkaji mendapati bahawa tiada sebarang kod yang diaplikasikan dalam mashaf Braille Qālūn ini. Penulisan kalimah yang mempunyai *alif* dan *waw* tambahan akan diletakkan kod Braille huruf sahaja, manakal bagi penulisan kalimah yang mengandungi *ya* tambahan digugurkan pada tulisan. Berikut merupakan contoh penulisan dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia:

Jadual 5.15: Contoh Aplikasi Kod Braille Bagi tanda *sifr mustadir*

Kalimah	Aplikasi dalam Mashaf Braille Qālūn, Tunisia

n) Mim Iqlab

Mim Iqlab merujuk kepada tanda huruf mim kecil dalam al-Quran yang menggantikan baris *tanwīn* atau nun *sukūn* jika selepasnya terdapat huruf *ba* (al-Mas’ul, 2007). Kaedah ini menjelaskan kepada pembaca bahawa apabila terdapat sahaja tanda ini, perlu diaplikasikan hukum bacaan *iqlab*. Berdasarkan penelitian pengkaji, tiada kod Braille yang merujuk kepada tanda mim *iqlab* dalam mashaf Braille riwayat Qālūn. Sekiranya berlaku hukum *iqlab* maka akan diletakkan tanda kod Baille *sukūn* iaitu (2,5) selepas huruf *nun* dan sekiranya pertemuan tersebut melibatkan huruf berbaris *tanwīn* akan diletakkan kod Braille bagi *tanwīn*. Berikut merupakan contoh penulisan bagi mashaf Braille ini pada kalimah yang mengandungi hukum bacaan *iqlab*:



Jadual 5.16: Contoh Aplikasi Kod Braille bagi Tanda *Mim Iqlab*

Tanda	Kalimah	Aplikasi dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia
<i>Nun Sakinah bertemu huruf ba</i>		
<i>Tanwīn bertemu huruf ba</i>		

o) Lam Alif

Penulisan *lam alif* sama sahaja pada teks mashaf bercetak namun terdapat khilaf penentuan antara huruf *lam* dan *alif* pada tulisan bersambung. Perbincangan ini telah dinyatakan pada bab yang lepas iaitu khilaf bagi mazhab *masyariqah* dan *magharibah*. Berdasarkan penelitian pengkaji, kod Braille yang digunakan dalam mashaf Braille Qālūn ini adalah dengan mengikut panduan yang sedia ada dalam *World Braille Usage* iaitu menggunakan kod Braille (1236). Berikut merupakan contoh penulisan bagi kedua-dua mashaf Braille pada kalimah *lam alif*:



Jadual 5.17: Contoh Aplikasi Kod Braille Bagi tanda *lam alif*

Kalimah	Aplikasi dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia
	

p) *Ḥamzah Wasal*

Tanda *ḥamzah wasal* mempunyai khilaf dari sudut penandaan dalam mashaf. Seperti yang dibahaskan pada bab sebelumnya terdapat perbezaan antara kaedah penandaan mazhab *maghribah* iaitu terdapat tanda titik yang merujuk kepada tanda *ḥamzah wasal*. Kaedah peletakannya juga mengikut huruf sebelumnya. Begitu juga terdapat tanda palang atau dikenali sebagai *jarrah* yang juga diletakkan mengikut kaedah bacaannya (Abd Muhaimin, 2023).. Setelah pengkaji meneliti pada mashaf Braille ini, kaedah penulisan *ḥamzah wasal* tidak diletakkan sebarang tanda dan hanya menggunakan kod Braille huruf *alif* iaitu kod (1). Berikut merupakan contoh penulisan bagi *ḥamzah wasal*:

Jadual 5.18: Contoh Aplikasi Kod Braille Bagi Tanda *Ḥamzah Wasal*

Kalimah	Aplikasi dalam mashaf Braille Qālūn, Tunisia
	

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menghimpunkan, mengenal pasti dan mendokumentasikan secara sistematik keseluruhan aspek perbincangan *nuqaṭ al-i‘rāb* dalam mashaf al-Quran Braille riwayat Qālūn terbitan Tunisia ini. Analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa sebahagian kod Braille yang digunakan adalah selari dengan amalan sedia ada dalam mashaf Braille terbitan negara lain, khususnya bagi penandaan asas seperti *fathah*, *kasrah*, *dammah*, *sukun* dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, dapatan kajian turut memperlihatkan wujudnya kekangan dari sudut ketiadaan kod Braille tertentu yang tidak tersenarai dalam *World Braille Usage* (2013), dan juga terdapat kesukaran dalam meletakkan tanda baca yang lebih kompleks seperti *tanwīn tatābu‘* (tidak selari), tanda mad serta beberapa hukum tajwid yang lain.

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa tiada kod Braille khusus yang diaplikasikan bagi penandaan bacaan khas dalam riwayat Qālūn seperti *imālah*, *tashīl*, *ibdāl* dan lain-lain. Keadaan ini menggambarkan bahawa sistem penandaan dalam mashaf Braille ini lebih cenderung dalam mengekalkan bentuk penulisan umum tanpa memberi penekanan terhadap perbezaan *usūl* dan *farsh al-ḥurūf* dalam riwayat Qālūn. Justeru, dapatan kajian ini bukan sahaja berperanan dalam mengenal pasti dan menganalisis kod Braille sedia ada, bahkan menunjukkan terdapat keperluan yang tinggi dalam melaksanakan kajian lanjutan bagi membangunkan kod-kod yang diperlukan khusus dalam meraikan bacaan riwayat ini. Terdapat 24 kod Braille secara keseluruhannya yang telah dianalisis oleh pengkaji dalam topik perbincangan ini. Jadual 5.19 di bawah merupakan senarai kod yang telah dianalisis dalam kajian ini:

Jadual 5.19: Senarai Kod Braille bagi Mashaf Al-Quran Braille Riwayat Qālūn, Tunisia

1.	<i>Fathāh</i>	::
2.	<i>Kasrah</i>	::
3.	<i>Ḍammah</i>	::
4.	<i>Fathatayn (Tarkib)</i>	::
5.	<i>Kasrahtain (Tarkib)</i>	::
6.	<i>Ḍammatayn (Tarkib)</i>	::
7.	<i>Fathatayn (Itba')</i>	Tiada Kod Khusus
8.	<i>Kasrahtain (Itba')</i>	Tiada Kod Khusus
9.	<i>Ḍammatayn (Itba')</i>	Tiada Kod Khusus
10.	<i>Sukūn</i>	::
11.	<i>Sabdu</i>	::
12.	<i>Tanda mad</i>	Tiada Kod Khusus
13.	<i>Alif kecil</i>	Tiada Kod Khusus
14.	<i>Waw kecil</i>	Tiada Kod Khusus
15.	<i>Ya kecil</i>	Tiada Kod Khusus
16.	<i>Mim iqlab</i>	Tiada Kod Khusus
17.	<i>Ṣifr mustadīr</i>	Tiada Kod Khusus
18.	<i>Ṣifr mustaṭīl</i>	Tiada Kod Khusus
19.	<i>Tashīl</i>	Tiada Kod Khusus
20.	<i>Ishmām</i>	Tiada Kod Khusus
21.	<i>Imālah</i>	Tiada Kod Khusus
22.	<i>Taqlil</i>	Tiada Kod Khusus
23.	<i>Ibdāl waw/ya</i>	Tiada Kod Khusus
24.	<i>Ikhtilās</i>	Tiada Kod Khusus

4. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, terdapat keperluan dalam meneliti semula bagi penandaan (*dabt*) Braille dalam mashaf al-Quran riwayat Qālūn ini. Perlu diberikan perhatian yang khusus dalam usaha memastikan golongan OKU Penglihatan yang mempelajari bidang Qirā'āt dapat menggunakannya dengan baik. Riwayat Qālūn mempunyai beberapa bentuk penandaan (*dabt*) yang berbeza berbanding riwayat lain dan keadaan ini memerlukan penggunaan sistem kod Braille yang sesuai serta selaras dengan penandaan dalam mashaf al-Quran bercetak. Kajian ini menunjukkan bahawa masih terdapat beberapa isu berkaitan penggunaan kod penandaan Braille khususnya dalam mewakili elemen nuqat al-i'rāb dalam mashaf al-Quran Braille riwayat Qālūn.

Selain itu, ketidakselarasan penggunaan kod Braille yang sedia ada turut memperlihatkan keperluan terhadap penyelarasan dan penstrukturan semula kod Braille bagi elemen penandaan (*dabt*) secara lebih sistematik. Usaha ini penting bagi memastikan penandaan Braille yang digunakan dapat membantu pembaca memahami bacaan riwayat Qālūn dengan lebih tepat dan berkesan. Justeru, kajian berkaitan pembangunan serta penyelarasan kod Braille bagi mashaf al-Quran riwayat Qālūn wajar diperluaskan pada masa akan datang bagi menyokong perkembangan pendidikan al-Quran Braille dalam kalangan masyarakat OKU Penglihatan.

Di samping itu, usaha memperkasa sistem penandaan (*dabt*) Braille dalam mashaf al-Quran riwayat Qālūn juga selaras dengan keperluan pendidikan inklusif yang menekankan hak kesamarataan akses pembelajaran kepada golongan OKU Penglihatan. Penyediaan mashaf al-Quran Braille yang lebih mesra dan menepati ciri-ciri penandaan riwayat Qālūn bukan sahaja dapat membantu komuniti ini mempelajari al-Quran dengan lebih baik, bahkan turut membuka ruang kepada penguasaan ilmu Qirā'āt secara lebih meluas. Oleh itu, kerjasama antara institusi pendidikan, badan berkaitan al-Quran Braille serta pakar dalam bidang Qirā'āt amat penting bagi memastikan pembangunan dan penyelarasan kod Braille dapat dilaksanakan secara berterusan dan memenuhi keperluan semasa.

5. CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa cadangan dapat dikemukakan bagi memperkukuhkan lagi penulisan kajian ini khususnya mengenai penandaan mashaf al-Quran Braille riwayat Qālūn pada masa akan datang. Pertama, kajian lanjutan berkaitan pembangunan dan penyelarasan kod Braille bagi elemen penandaan (*dabt*) khususnya yang melibatkan nuqat al-i'rāb dan nuqat al-i'jām wajar diperluaskan secara lebih menyeluruh. Usaha ini penting bagi memastikan kod Braille yang digunakan lebih sistematik, seragam dan sesuai diaplikasikan dalam mashaf al-Quran Braille riwayat Qālūn.

Selain itu, penglibatan pakar dalam bidang Qirā'āt, penulisan mashaf al-Quran dan bidang al-Quran Braille juga perlu diperkasakan bagi memastikan sebuah garis panduan dapat dibangunkan dan mashaf ini dapat diterbitkan dengan versi yang lebih menepati keperluan pembaca dalam kalangan OKU Penglihatan. Kerjasama antara institusi pendidikan, badan berkaitan al-Quran Braille dan pihak percetakan mashaf juga amat penting dalam memperkukuhkan usaha murni ini.

Di samping itu, kajian berbentuk aplikasi dan pengujian terhadap penggunaan kod Braille juga boleh dilaksanakan pada masa akan datang. Kajian tersebut dapat membantu menilai tahap keperluan, keberkesanan, kefahaman dan kesesuaian penggunaan kod Braille dalam kalangan pembaca OKU Penglihatan khususnya yang mempelajari bidang Qirā'āt. Usaha ini secara tidak langsung mampu menyokong perkembangan pendidikan al-Quran Braille yang lebih inklusif dan sistematik pada masa hadapan.

6. PENGHARGAAN

Pengkaji merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian ini khususnya kepada para pakar bidang, institusi serta individu yang memberikan sokongan, pandangan dan bahan rujukan berkaitan penulisan mashaf al-Quran Braille riwayat Qālūn. Penghargaan turut diberikan kepada Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), serta Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) atas sokongan dan galakan sepanjang pelaksanaan kajian ini.

RUJUKAN

Abd Muhaimin Ahmad (2021). Perbezaan Di Antara Mashaf-Mashaf Al-Quran: Sorotan Terhadap Aspek Ilmu *Dabṭ* Al-Quran. *Ma'alim Quran Sunnah*, 17(2).

Abd Rahman Abd Ghani (2018), Pemeliharaan Al-Quran, Universiti Pendidikan Sultan Idris, cetakan kedua

Abdul Fatah al-Qadhi (2022), *Al-Wafi fi Syarhi Al-Syatibiah*, Darul Salam.

Al-Hamad, Ghanim Qadduri. (2016). *Al-Muyassar Fī 'Ilmī al-Muṣḥaf wa Dhābṭuh. Ma'had al-Imām al-Shatibiy*. Saudi Arabia.

Al-Jarmi, Ibrahim Muhammad. (2001). *Mu'jam 'Ulum al-Qur'an*. Dimasyq: Daral-Qalam.

Al-Mas'ul, A. A. (2007). *Mu'jam Musthalahat 'Ilmi al-Qirā'āt al-Qur'aniyah*. Cairo: Darussalam.
al-Nahas. (2004). *al-Risalah al-Gharra'* (Cetakan Kedua). Maktabah al-Adab.

Al-Quran *al-Karim bi al-Khatt al-Bariz li al-Makfufin hasb Riwayah* Qālūn. (1976). Terbitan *al-Ittihad al-Qaumi li al-Makfufin*. Tunisia.

Al-Tabari, Abi Ja'far Muhammad bin Jarir. (2001). *Tafsir Al-Tabari Jami' Al-Bayan 'an Takwil Aya Al-Quran*. Kaherah: Dar Hijr.

Azah Nur al-Hidayah Zahari, Mohd Faizulamri Mohd Saad, & Sabri Mohamad. (2024). *Konsep rasm dan dabṭ al-Quran: Implikasi makna terhadap ikhtilaf qirā'āt*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Gumaa Ahmed Himmad, Ahmad Baha' Mokhtar, & Rifqi Hidayatil. (2024). Sorotan Terhadap Riwayāt Mutawātirah Yang Kekal Pada Zaman Sekarang: Kajian Analisis. *Kqt Ejournal*, 4(1), 29–50.

Ismail, Sya'ban Muhammad. (2017). *Rasm al-Mashaf wa Dhābṭuhu*. (Cetakan Keempat) Kahirah: Dar al-Salam.

Mohd Nur Adzam Rasdi. (2023). *Reconstructing Rasm and Dabṭ in Pertis Braille Quran Based on Mashaf Al-Madinah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Islam Malaysia.

Mohd Rahim Jusoh. (2019). Pengenalan Ilmu Qirā'āt . Kuala Lumpur: Pustaka Khodim Al-Mashaf.

Muhammad bin Ali al-Shaukani. (2007). *Irsyadul Fuhul Ila Tahqiq Al-Haq Min Ilmi al-Usul*. Dar al-Fikr.

- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. Buku Braille. (2014). *Al-Quran : Sejarah dan Kaedah*. Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Noornajihan Jaafar & Kauthar Abdul Kader. (2008). Pengajaran Braille al-Quran di Malaysia: Sejarah dan Perkembangannya. *Seminar Warisan*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Noraini Farhanah, and Abd Rahman Abd Ghani. (2024). Challenges of Visually Impaired Students (OKUMP) in Learning the Knowledge of *Qirā'āt* at Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2 (2), 110-18.
- Sabri Mohamad, Mohd Faizulamri Mohd Saad dan Hamdi Ishak. (2022). *Mashaf al-Quran: Penulisan dan Penandaan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sayyid Lasyeen & Khalid Muhammad. (2011). *Taqribul al-Ma'ani fi Syarhi Hirzul Amani wa Wajhu al-Tahani* (Cetakan Kelapan). Maktabah Darul Al-Zaman.
- T. N. (2002). *Mashaf al-Jamahiriyah bi Riwayat al-Imām Qālun* (Cetakan Ketujuh). Tarablus: Jam'iyah al-Da'wah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah,.
- World Braille Usage. (2013). Third Edition. *International Council on English Braille National Library Service for the Blind and Physically Handicapped*. Library of Congress UNESCO, Washington, D.C.

Mohammad Azami bin Mohammad Nawawi (Coressponding author)
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: azaminawawi98@gmail.com

Mohd Nur Adzam bin Rasdi
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: nuradzam@usim.edu.my

Abd Muhaimin bin Ahmad
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
Email: muhaimin@usim.edu.my